



Pelajar UPM Penerima Pingat Emas IEM



Ling Hwei Lin menerima anugerah tersebut daripada Timbalan Presiden IEM, Dato' Engr. Prof. Dr Chuah Hean Teik.

PETALING JAYA, 18 April – Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Ling Hwei Lin dipilih sebagai penerima Pingat Emas Institut Jurutera Malaysia (IEM) baru-baru ini.

Ling Hwei Lin, pelajar tahun akhir Bachelo Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan UPM tersebut menerima anugerah berupa pingat emas pada Majlis Makan Malam Tahunan IEM ke-50 di One World Hotel di sini.

Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof. Madya Dr. Luqman Chuah Abdullah berkata anugerah tersebut diberikan kepada pelajar tahun akhir fakulti kejuruteraan di seluruh negara yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum.

"Pelajar terbaik setiap jabatan di fakulti kejuruteraan dipilih mengikut Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) terbaik dan aktiviti kokurikulum masing-masing.

"Pelajar tersebut ditemuduga oleh dekan dan timbalan dekan akademik fakulti masing-masing sebelum profil biodata mereka dihantar ke IEM untuk dinilai," katanya ketika ditemui.

Dr. Luqman berkata Ling Hwei Lin turut terpilih menerima Anugerah Naib Canselor UPM baru-baru ini.

Sementara itu Ling Hwei Lin berkata beliau merancang untuk bekerja selepas tamat pengajian bagi menimba pengalaman sebelum melanjutkan pelajaran dalam bidang sarjana," katanya yang memperolehi PNGK 3.93.

Jurnal beliau bertajuk 'Effect of Temperatures on Rheological Behaviour of Dragon Fruit (*Hylocereus* sp.) Juice' merupakan antara sepuluh jurnal utama yang kerap dimuat turun di International Food of Engineering selain mewakili negara ke International Petroleum Technology Conference 2008.

Beliau juga merupakan penerima biasiswa Hong Kong Climate Change Condition (HKCCC) dan pernah menyertai Asian Youth Climate Summit 2008 di Hong Kong Universiti.

Selain aktif dalam bidang kokurikulum, beliau pernah mewakili UPM sebagai pemain bola keranjang dan bola jaring serta terlibat dalam pertandingan rekacipta kejuruteraan di peringkat negara.



Ling Hwei Lin menunjukkan pingat emas dan sijil selepas majlis anugerah tersebut.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.